



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PINJAMAN DAN AKAUN (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PINJAMAN DAN AKAUN  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Islamic Finance* / Pengurusan Perniagaan / Perakaunan dan Kewangan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**2. TANGGA GAJI B.2:**

- i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Islamic Finance* / Pengurusan Perniagaan / Perakaunan dan Kewangan atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam membantu Ketua Bahagian dalam menyediakan Anggaran Peruntukan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) (*Programme and Performance Budgeting*) bagi tiga (03) Tahun Kewangan;



2. Bertanggungjawab bagi membantu Ketua Bahagian terutama sekali dalam urusan-urusan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan Jabatan dan pengurusan projek-projek melalui Peruntukan Tahunan dan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN);
3. Membantu dalam urusan kewangan di Jabatan ini yang berkaitan dengan akaun dan hasil Jabatan, persuratan, *book-keeping*, pertanyaan audit dan lain-lain dan memastikan supaya kerja-kerja yang terlibat dapat dilaksanakan dengan baik dan betul mengikut Peraturan Kewangan, Surat Keliling dan peraturan-peraturan lain;
4. Mengawasi dan mengendalikan pengutipan hasil Jabatan iaitu bagi tajuk R93018, R94001, R94002, R95002 dan E59124;
5. Memantau proses dan pengendalian hal ehwal pengguna sistem *One Common Billing System (OCBS)*;
6. Melaksanakan (*Reconciliation*) *Revenue Detail Report* dan *Fund Account Detail Report* setiap suku tahun dan tahunan;
7. Mengawasi perkembangan bayaran pokok dan hasil (perkhidmatan / premium) setiap peminjam yang di bawah Skim Kemudahan Kewangan Lembaga Kemajuan Ekonomi dan melaporkan kepada Ketua Bahagian dan pihak atasan;
8. Membuat perjumpaan dengan peminjaman Skim Lembaga Kemajuan Ekonomi (LKE), Skim *Working Capital Credit Fund (WCCF)* dan berhubung dengan Pejabat Peguam Negara, bank-bank, Pejabat Tanah dari semasa ke semasa bagi penyelarasan Skim-Skim berkenaan;
9. Mengawasi perkembangan bayaran balik tunggakan *Working Capital Credit Fund (WCCF)* bagi Skim Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) melalui bank-bank yang terlibat;
10. Menyediakan laporan-laporan dan kertas kerja cadangan berkaitan dengan Skim LKE dan Skim *WCCF* untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian dan pihak atasan;
11. Penyediaan Laporan Hutang-Hutang Kebelakangan berkaitan Skim LKE dan *WCCF* (setiap bulan);
12. Menghadapkan Laporan Penyata Tunggakan Hasil Skim LKE (Tahunan), Baki Tunggakan Hasil (Suku Tahun), Penyata Kutipan Hasil (Suku Tahun), dan Anggaran Kutipan Hasil (Tahunan, Suku Tahun) kepada Jurukira Agung;



13. Membantu serta menyelaras dan bertanggungjawab kepada Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan di dalam pengendalian dan penyelarasan kerja projek *Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS) 2.0* dan *Payroll* termasuk tuntutan yang menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) serta bagi perbelanjaan yang menggunakan peruntukan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
14. Memantau dan melaksanakan kutipan hasil, tunggakan-tunggakan Jabatan dan menyelaras dengan Jabatan / Bahagian / Unit tertentu di Jabatan ini dan agensi luar bagi memastikan kutipan hasil dapat dilaksanakan dengan segera dan tunggakan Jabatan dapat diselasaikan mengikut waktu yang ditetapkan;
15. Melaksanakan kerja-kerja penghapusan dokumen-dokumen kewangan Jabatan yang perlu dihapuskan dan diproses mengikut prosedur penghapusan dan pelupusan yang betul dan teratur;
16. Menguruskan pengendalian tawaran, pembelian, pembayaran dan meluluskan *Purchase Order* serta *Payment Voucher* secara bergilir dengan Pegawai Kewangan;
17. Menjadi pegawai penghubung di antara Jabatan dan Jabatan Audit serta menyelaras perjumpaan dengan pihak berkenaan mengenai sebarang pengauditan ke atas akaun Jabatan;
18. Mengumpul jawapan / respons Jabatan-Jabatan mengenai Laporan Audit untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian dan pihak atasan sebelum dihadapkan kepada pihak Juruaudit Agung; dan
19. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh pihak atasan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).